

ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1991

HJ. MD RADHI BIN RUSLAN
Pen. Pengarah Unit Pengurusan Sekolah
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

AZHARI BIN BASIRON
Penolong Pegawai
Seksyen Pendaftaran & Pembangunan
Unit Pengurusan Sekolah
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

ENAKMEN PENGAWAL
SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1991

SUSUNAN FASAL-FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENDAFTAR DAN TIMBALAN-TIMBALAN PENDAFTAR

3. Perlantikan Pendaftar dan Timbalan-timbalan Pendaftar.
4. Tugas-tugas Pendaftar.

BAHAGIAN III

JEMAAH PENGURUSAN

5. Jemaah Pengurusan.
6. Jemaah Pengurusan adalah tertakluk kepada kawalan Pendaftar.
7. Tugas-tugas Jemaah.
8. Kuasa-kuasa Jemaah.
9. Kumpulan wang.
10. Laporan.
11. Jemaah hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA

12. Pendaftaran.
13. Permohonan untuk pendaftaran.
14. Syarat-syarat memberi kelulusan.
16. Rayuan.

BAHAGIAN V

NAZIR SEKOLAH AGAMA

17. Perlantikan Nazir-nazir Sekolah.


Fasal

18. Majlis boleh membenarkan mana-mana orang untuk menjalankan tugas-tugas Nazir Sekolah.
19. Jemaah Pengurusan, guru-guru dan pekerja-pekerja hendaklah membantu Nazir Sekolah.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

20. Lembaga hendaklah memberi bantuan.
21. Pengecualian oleh Majlis.
22. Kesalahan dan penalti.
23. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan.
24. Majlis boleh mengarahkan pendakwaan.
25. Kuasa untuk memasuki premis.
26. Akta Perlindungan Pihak-pihak Berkuasa Awam 1948.
27. Pegawai-pegawai disifatkan sebagai pengkhidmat-pengkhidmat awam.
28. Kaedah-kaedah.
29. Enakmen-enakmen yang tidak konsisten dengan Enakmen ini.



ENAKMEN No. 11 TAHUN 1991

SAYA BERSETUJU,

SULTAN ISKANDAR

Tandatangan Raja

18hb Februari 1992

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Johor dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAWA DENGAN INI ADALAH DIPERUNDANG-UNDANGKAN oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain- Tafsiran.

“Jemaah” ertinya Jemaah Pengurusan yang ditubuhkan di bawah seksyen 5 Enakmen ini;

“Lembaga” ertinya badan yang didirikan oleh Majlis yang akan dikenali sebagai “Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam”;

En. No. 14/78. “Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Johor yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978;

“Nazir Sekolah Agama” ertinya Nazir yang dilantik di bawah seksyen 17 Enakmen ini;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3 Enakmen ini, dan termasuklah Timbalan-Timbalan Pendaftar; dan

“Sekolah Agama” ertinya mana-mana Sekolah Agama Islam di dalam Negeri Johor atau mana-mana tempat yang termasuklah masjid, madrasah, surau, pusat Islam, balai Islam, pondok dan tadika di mana lima orang atau lebih mempelajari atau akan diajari mata-mata pelajaran yang termasuklah mana-mana mata pelajaran yang berhubung dengan Agama Islam tetapi tidak termasuk mana-mana Sekolah Agama yang berada di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Negeri Johor.

BAHAGIAN II

PENDAFTAR DAN TIMBALAN-TIMBALAN PENDAFTAR

Perlantikan
Pendaftar
dan
Timbalan-
timbalan
Pendaftar.

3. Majlis boleh, dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat, melantik—

- (a) seorang Pendaftar Sekolah-sekolah Agama Negeri; dan
- (b) beberapa orang Timbalan Pendaftar Sekolah Agama sebagaimana yang dikehendaki.

Tugas-tugas
Pendaftar.

4. (1) Maka adalah menjadi tanggungjawab Pendaftar untuk memastikan dan mengawasi yang semua Sekolah Agama dalam Negeri ditadbirkan dengan sepatutnya.

PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM

(2) Pendaftar hendaklah, pada setiap masa, sentiasa memberitahu Majlis tentang hal ehwal semua Sekolah Agama dalam Negeri.

(3) Pendaftar hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar mengenai semua Sekolah Agama yang didaftarkan di bawah Enakmen ini dan dalam daftar itu hendaklah direkodkan butir-butir mengenai setiap sekolah termasuk—

- (a) nama dan alamat sekolah;
- (b) anggota-anggota Jemaah Pengurusan sekolah;
- (c) kurikulum untuk sekolah;
- (d) apa-apa maklumat lain yang disifatkan oleh Pendaftar patut direkodkan.

BAHAGIAN III

JEMAAH PENGURUSAN

5. (1) Setiap permohonan untuk pendaftaran sebuah Sekolah Agama, hendaklah disertai dengan satu suratcara dalam bentuk yang ditetapkan untuk menubuhkan suatu Jemaah Pengurusan untuk sekolah itu.

Jemaah
Pengurusan.

(2) Jemaah Pengurusan hendaklah mentadbir semua aset dan harta Sekolah Agama bagi pihak Majlis.

(3) Tiap-tiap Jemaah itu hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tujuh orang yang hendaklah memegang apa-apa jawatan yang perlu bagi mana-mana Sekolah Agama yang tertentu dan mempunyai apa-apa kuasa dan tugas yang ditetapkan oleh suratcara itu.

6. (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa mana-mana orang yang telah dicadangkan untuk menjadi anggota Jemaah itu bukanlah seorang yang layak dan patut maka dia boleh menolak orang itu daripada menjadi anggota

Jemaah
Pengurusan
adalah
tertakluk kepada
kawalan
Pendaftaran.

Jemaah dan hendaklah, atas penolakan sedemikian itu oleh Pendaftar, mencadangkan seorang lain untuk menggantikannya menjadi anggota Jemaah itu dan jika Jemaah gagal berbuat demikian Pendaftar boleh melantik mana-mana orang lain untuk menjadi anggota Jemaah.

(2) Jika Pendaftar berpendapat bahawa seseorang anggota Jemaah Pengurusan bukanlah seorang yang layak dan patut maka dia hendaklah mengarahkan Jemaah supaya memecat anggota itu dan apabila menerima arahan itu Jemaah hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memecat dan menggantikan anggota itu.

(3) Jika Jemaah gagal atau enggan mematuhi arahan Pendaftar di bawah subseksyen (2) maka Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk memecat anggota itu dan melantik mana-mana orang lain untuk menggantikannya.

(4) Mana-mana orang yang berhenti atau dipecat daripada menjadi anggota Jemaah hendaklah segera menyerahkan segala harta, barang berharga, dokumen dan apa-apa perkara lain kepunyaan Sekolah Agama kepada anggota-anggota Jemaah yang ada sekarang.

(5) Mana-mana orang yang telah dipecatkan atau berhenti menjadi anggota Jemaah-

(a) gagal menyerahkan segala harta, barang berharga, dokumen dan lain-lain perkara kepunyaan sekolah itu kepada Jemaah; atau

(b) terus bertindak sebagai anggota,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan dalam hal kesalahan di bawah perenggan (b), denda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Tugas-tugas
Jemaah.

7. (1) Anggota-anggota Jemaah hendaklah bertanggung-jawab atas pengurusan Sekolah Agama secara bersesama dan masing-masing.

(2) Maka adalah menjadi tanggungjawab Jemaah—

- (a) untuk menyenggarakan dengan sepatutnya Sekolah Agama di bawah kawalannya;
- (b) untuk mematuhi arahan-arahan Pendaftar;
- (c) untuk menyenggarakan rekod yang sepatutnya mengenai —
 - (i) guru-guru dan kakitangan sekolah;
 - (ii) nama penuntut-penuntut, umur dan jantina mereka;
 - (iii) sumber kewangan sekolah;
 - (iv) kurikulum sekolah;
 - (v) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Pendaftar.

(3) Jemaah hendaklah—

- (a) memberitahu Pendaftar tentang apa-apa perubahan kepada suratkara sekolah itu; dan
- (b) menghantar kepada Pendaftar segala maklumat yang diminta oleh Pendaftar.

(4) Majlis dengan perakuan Jemaah boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Jemaah, seberapa ramai guru, pegawai dan pengkhidmat dan hendaklah mempunyai kuasa untuk menamatkan atau membatalkan mana-mana perlantikan itu.

8. (1) Jemaah hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai

Kuasa-kuasa
Jemaah.

suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau semunasabahnya perlu atau bersampingan dengan menjalankan tugas-tugasnya dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna yang tersebut di atas—

- (a) untuk memperolehi, membeli, mengambil, memegang, menikmati harta alih atau tak alih dari tiap-tiap jenis dan memindahhak, menyerahhak, menyerahkan balik, menyerahkan, menggadai, menggadaijanji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilik atau selainnya melupuskan atau menguruskan atau memajukan mana mana harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya yang terletak pada Jemaah atas apa-apa terma yang disifatkannya patut;
- (b) untuk membuat apa-apa perkiraan dengan Kerajaan Negeri atau Persekutuan atau pihak berkuasa yang mungkin berfaedah kepada tugas-tugas Jemaah atau mana-mana antaranya dan mendapatkan daripada Kerajaan atau keistimewaan dan konsesi yang difikirkan mustahak didapatkan oleh Jemaah dan melaksanakan, menjalankan dan mematuhi mana-mana perkiraan, hak, keistimewaan dan konsesi itu;
- (c) melakukan segala perkara lain yang bersampingan atau berfaedah bagi mencapainya maksud tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa Jemaah.

(2) Semua perkara yang disebutkan di bawah subseksyen-subseksyen 1 (a), (b) dan (c) hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Majlis.

9. (1) Bagi maksud-maksud Enakmen ini, Jemaah setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Majlis hendaklah menubuhkan dan mentadbirkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Akaun Sekolah Agama”, yang ke dalamnya hendaklah dibayar masuk—

Kumpulan
wang

- (a) apa-apa jumlah wang yang diterima oleh Jemaah;
- (b) wang yang didapati atau berbangkit daripada mana-mana harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian, debentur atau syer yang diperolehi oleh atau diletakhakkan pada Jemaah;
- (c) wang yang dikutip dari yuran-yuran;
- (d) wang yang didermakan oleh orang ramai atau pemberian yang diberikan oleh Kerajaan atau pihak-pihak berkuasa tempatan;
- (e) jumlah-jumlah wang yang dipinjam dan didapati oleh Jemaah di bawah Enakmen ini; dan
- (f) segala jumlah wang atau harta lain yang dengan apa-apa jua cara kena dibayar atau diletakhakkan pada Jemaah.

(2) Jemaah setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Majlis boleh membayar daripada kumpulan wangnya—

- (a) segala perbelanjaan, termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan oleh Jemaah dalam menjalankan fungsi-fungsinya;
- (b) untuk membayar balik pinjaman yang diterima oleh Jemaah menurut kuasanya untuk meminjam;
- (c) apa-apa perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Jemaah.

(3) Jemaah boleh melaburkan kumpulan wangnya dalam apa-apa pelaburan untuk ketika itu dibenarkan dari kumpulan wang amanah atau mana-mana pelaburan sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Majlis.

Laporan. **10.** Jemaah hendaklah menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pendaftar laporan-laporan yang menyentuhi aktiviti aktiviti Sekolah Agama dan akaun tahunan Sekolah Agama.

Jemaah hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis. **11.** (1) Tiap-tiap Jemaah Pengurusan hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis, menggunakan buku-buku teks yang dinyatakan sedemikian dan menjalankan program mengenai latihan guru yang ditetapkan dan mengadakan apa-apa peperiksaan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis.

(2) Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan atau kehendak seksyen ini hendaklah menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA

Pendaftaran. **12.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada seorang boleh menubuhkan atau mendirikan Sekolah Agama melainkan jika ia didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Semua Sekolah Agama yang telah ditubuhkan sebelum Enakmen ini berkuatkuasa, hendaklah didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini dalam masa enam bulan selepas Enakmen ini mula berkuatkuasa atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

Permohonan untuk pendaftaran. **13.** (1) Mana-mana orang yang hendak mendirikan Sekolah Agama hendaklah memohon untuk pendaftaran, dalam borang yang ditetapkan, kepada Pendaftar dan hendaklah juga mengemukakan kepada Pendaftar suratcara yang dicadangkan bagi Jemaah Pengurusan itu.

PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM

(2) Setelah menerima suatu permohonan, Pendaftar hendaklah menimbangkan sama ada hendak meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika kelulusan telah diberikan, Pendaftar hendaklah segera mendaftarkan suratcara Sekolah Agama itu sekali dengan Jemaah dan mengeluarkan Perakuan Pendaftaran bagi sekolah itu dengan apa-apa syarat yang disifatkannya perlu.

14. Bagi maksud-maksud menimbangkan sama ada permohonan untuk pendaftaran diluluskan atau tidak Pendaftar hendaklah mengambil kira syarat-syarat yang berikut—

Syarat-syarat memberi kelulusan.

- (a) kesesuaian Sekolah Agama atau bangunan atas alasan-alasan kesihatan dan keselamatan;
- (b) kesesuaian orang-orang yang menganggotai Jemaah untuk menguruskan Sekolah Agama;
- (c) sumber kewangan untuk menyenggarakan Sekolah Agama;
- (d) keperluan mengadakan Sekolah Agama satu lagi dalam kawasan di mana Sekolah Agama yang dicadangkan itu hendak didirikan; atau
- (e) apa-apa sebab lain yang pada pendapat Pendaftar perlu untuk mendirikan Sekolah Agama yang berjaya.

15. (1) Pendaftar hendaklah memberitahu Jemaah tentang apa ketidakpatuhan mana-mana syarat yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan olehnya dan hendaklah mengarahkan Jemaah supaya membuat sesuatu untuk mematuhi syarat-syarat itu.

Pembatalan pendaftaran.

(2) Kegagalan mematuhi arahan-arahan itu boleh menyebabkan terbatalnya suratcara itu dan Perakuan Pendaftaran Sekolah Agama tersebut.

(3) Mana-mana Jemaah yang Sekolah Agamanya telah dibatalkan pendaftarannya di bawah seksyen ini boleh, apabila Pendaftar berpuas hati bahawa ketidakpatuhan yang dinyatakan dalam arahan-arahan Pendaftar telah diperbaiki, memohon untuk mendaftarkan semula Sekolah Agama itu.

Rayuan. **16.** Mana-mana Jemaah atau mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pendaftar yang dibuat di bawah mana-mana peruntukan Enakmen ini boleh, dalam masa 30 hari dari keputusan itu, merayu kepada Majlis dan keputusan Majlis itu adalah muktamad.

BAHAGIAN V

NAZIR SEKOLAH AGAMA

Perlantikan Nazir-nazir Sekolah. **17.** Majlis boleh melantik beberapa orang Nazir Sekolah Agama sebagaimana yang perlu, yang tugas-tugasnya hendaklah termasuk—

- (a) untuk menjalankan dari semasa ke semasa pemeriksaan ke atas Sekolah-sekolah Agama tentang pengajaran kurikulum yang dibenarkan, penggunaan buku-buku teks, guru-guru yang diambil bekerja dan pematuhan yang wajar akan Enakmen ini dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya atau arahan-arahan Pendaftar;
- (b) untuk menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana Sekolah Agama berhubungan dengan apa-apa perkara yang dibenarkan oleh Pendaftar;
- (c) untuk memeriksa akaun-akaun Sekolah Agama; dan
- (d) untuk melaporkan apa-apa perkara luar aturan dan untuk membuat apa-apa cadangan yang perlu kepada Pendaftar.

Majlis boleh membenarkan mana-mana orang untuk menjalankan tugas-tugas Nazir Sekolah. **18.** Majlis boleh membenarkan secara bertulis mana-mana orang untuk menjalankan tugas-tugas Nazir Sekolah Agama dan orang yang dilantik sedemikian itu hendaklah mempunyai segala tugas dan kuasa yang dipunyai oleh Nazir Sekolah.

19. (1) Mana-mana anggota Jemaah, guru atau pekerja Sekolah Agama hendaklah memberi segala kemudahan kepada mana-mana Nazir Sekolah Agama atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan dan hendaklah memberi segala maklumat dan mengemukakan segala buku akaun dan lain-lain dokumen yang mungkin dikehendaki.

Jemaah Pengurusan, guru-guru dan pekerja hendaklah membantu Nazir Sekolah.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

20. Lembaga hendaklah membantu Majlis untuk menjalankan segala tugas yang mungkin perlu bagi menjalankan dengan sepatutnya Sekolah-sekolah Agama termasuk memberi apa-apa nasihat teknik, penggunaan buku-buku teks, kurikulum, peperiksaan, pengambilan guru-guru dan latihan guru-guru.

Lembaga hendaklah memberi bantuan.

21. Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana Sekolah Agama dari segala atau mana-mana peruntukan Enakmen ini.

Pengecualian oleh Majlis.

22. Mana-mana orang yang menubuhkan, menguruskan atau mengendalikan Sekolah Agama tanpa Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini atau bertindak dengan melanggar Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, adalah melakukan suatu kesalahan dan, melainkan jika hukuman ada ditetapkan bagi kesalahan itu, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau bagi kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Kesalahan dan penalti.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan. **23.** Pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya hendaklah dijalankan dalam Mahkamah Syariah.

Majlis boleh menyerahkan pendakwaan. **24.** (1) Majlis boleh mengarahkan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

(2) Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan mana-mana orang yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis boleh menjalankan apa-apa jua pendakwaan seperti itu.

Kuasa untuk memasuki premis. **25.** Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Nazir Sekolah Agama, seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis boleh pada setiap masa yang munasabah masuk ke dalam mana-mana premis Sekolah Agama bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau selainnya bagi memastikan yang sekolah itu ditadbirkan dengan sepatutnya

Akta Perlindungan Pihak-pihak Berkuasa Awam 1948. *Akta 198.* **26.** Akta Perlindungan Pihak-pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Jemaah, Majlis, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, pengkhidmat, ejen atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis atau Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan.

Pegawai-pegawai disifatkan sebagai pengkhidmat-pengkhidmat awam. **27.** Pendaftar, Timbalan-timbalan Pendaftar, pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Majlis atau Lembaga atau ejen-ejen yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Kaedah-kaedah. **28.** Raja dalam Mesyuarat atas nasihat Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah kaedah atau meminda kaedah-kaedah bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna yang tersebut di atas, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan mengenai —

PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM

- (a) suratcara Jemaah Pengurusan dengan apa-apa perubahan yang dibenarkan supaya sesuai dengan mana-mana Sekolah Agama yang tertentu;
- (b) kurikulum bagi Sekolah Agama;
- (c) jenis dan standard buku-buku teks untuk digunakan dalam Sekolah Agama;
- (d) pengawalseliaan peperiksaan yang akan diadakan dan sijil-sijil yang akan dikeluarkan;
- (e) kelulusan guru-guru untuk Sekolah Agama;
- (f) menetapkan cara bagaimana wang Jemaah akan dibelanjakan dan caranya dokumen, cek dan suratcara dari apa-apa perihalan hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Jemaah;
- (g) kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana kaedah itu;
- (h) menetapkan borang bagi maksud mana-mana peruntukan Enakmen ini; dan
- (i) apa-apa perkara lain yang perlu untuk mentadbirkan dengan sepatutnya Sekolah Agama.

29. Jika mana-mana Enakmen, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berkaitan dengan Sekolah-sekolah Agama tidak konsisten dengan Enakmen ini, Enakmen ini hendaklah mengatasinya dan Enakmen-enakmen, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu, hendaklah terbatal setakat mana ianya tidak konsisten.

Enakmen,
dsb. yang
tidak konsis-
ten dengan
Enakmen ini.

Diluluskan dalam Dewan Negeri Johor pada 24hb Disember 1991.

ABDUL MALICK BIN AWANG,
*Jurutulis Dewan Negeri,
Johor*

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS
ENACTMENT 1991

ARRANGEMENT OF CLAUSES

PART I

PRELIMINARY

Clause

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II

REGISTRAR AND DEPUTY REGISTRARS

3. Appointment of Registrar and Deputy Registrars.
4. Duties of the Registrar.

PART III

BOARD OF MANAGEMENT

5. Board of Management.
6. Board of Management subject to the control of the Registrar.
7. Duties of the Board.
8. Power of the Board.
9. Fund.
10. Reports.
11. Board to adhere to curriculum drawn up by the Majlis.

PART IV

REGISTRATION OF RELIGIOUS SCHOOL

12. Registration.
13. Application for registration.
14. Conditions for granting approval.
15. Deregistration.
16. Appeal.

PART V

RELIGIOUS SCHOOL INSPECTORS


Clause

17. Appointment of School Inspectors.
18. Majlis may authorise any person to carry out duties of School Inspectors.
19. Management Board, teachers and employees shall assist School Inspectors.

PART VI

MISCELLANEOUS

20. The Lembaga shall give assistance.
21. Exemption by the Majlis.
22. Offence and penalty.
23. Jurisdiction to try offence.
24. Majlis may direct prosecution.
25. Power to enter premises.
26. Public Authorities Protection Act 1948.
27. Officers to be public servants.
28. Rules.
29. Enactments inconsistent with this Enactment.



ENACTMENT No. 11 OF 1991

I ASSENT,

SULTAN ISKANDAR

Ruler's Sign Manual

18th February 1992

An Enactment to provide for the Control of Islamic Religious Schools in the State of Johor and to provide for matters related therewith.

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Johor as follows:

PART I

PRELIMINARY

1. This Enactment may be cited as the Control of Islamic Religious Schools Enactment 1991 and shall come into force on a date to be appointed by the Ruler in Council by notification in the *Gazette*. Short title and commencement.

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires— Interpretation.

“Board” means the Board of Management established under section 5 of this Enactment;

“Majlis” means the Majlis Agama Islam Negeri Johor constituted under section 4 of the Administration of Islamic Law Enactment 1978; Enact. No. 14/78.

“Registrar” means the Registrar appointed under section 3 of this Enactment, and includes the Deputy Registrars;

“Religious School” means any Islamic Religious School in the State of Johor or any place which includes a mosque, madrasah, surau, Islamic centre, balai Islam, pondok and kindergarten where five or more persons are learning or to be taught subjects which include any subject relating to the Religion of Islam but does not include any Islamic religious school under the control of the Ministry of Education and Government of the State of Johor;

“Religious School Inspectors” means an Inspector appointed under section 17 of this Enactment; and

“Lembaga” means a body set up by the Majlis to be known as the “Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam”.

PART II

REGISTRAR AND DEPUTY REGISTRARS

Appointment
of Registrar
and Deputy
Registrar.

3. The Majlis may with the approval of the Ruler in Council, appoint —

- (a) A State Registrar of Religious School; and
- (b) such number of Deputy Registrars of Religious Schools as may be required.

Duties of
the Registrar.

4. (1) It shall be the responsibility of the Registrar to ensure that all Religious Schools within the State are being properly administered.

(2) The Registrar shall, at all times, keep the Majlis informed of the state of affairs of all the Religious Schools within the State.

(3) The Registrar shall keep or cause to be kept a register of all Religious Schools registered under this

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS

Enactment and there shall be recorded in the register the particulars in respect of each school including-

- (a) the name and address of the school;
- (b) the members of the Board of Management of the school;
- (c) the curriculum for the school;
- (d) any other information as the Registrar may deem fit to record.

PART III

BOARD OF MANAGEMENT

5. (1) Every application for registration of a Religious School shall be accompanied by an instrument in the prescribed form establishing a Board of Management for the school.

Board of
Management.

(2) The Board shall administer the assets and properties of the Religious School on behalf of the Majlis.

(3) Every such Board shall consist of at least seven persons who shall hold such positions as may be necessary for any particular Religious School and having such powers and duties as shall be prescribed by the instrument.

6. (1) Where the Registrar is of the opinion that any person who has been proposed to be a member of the Board, is not a fit and proper person he may reject that person from being a member of the Board and the Board shall, on such rejection by the Registrar, propose another person to be a member of the Board in his place failing which the Registrar may appoint any other person to be a member of the Board.

Board of
Management
subject to
the control
of the
Registrar.

(2) Where the Registrar is of the opinion that a member of the Board is not a fit and proper person he

shall direct the Board to remove such member and on receiving such direction the Board shall take the necessary step to remove and replace such member.

(3) Where the Board fails or refuses to comply with the direction of the Registrar under subsection (2) the Registrar shall have the power to remove such member and appoint any other person in his place.

(4) Any person who has ceased or has been removed from being a member of the Board shall forthwith hand over all properties, valuables, documents and such other thing belonging to the Religious School to the existing members of the Board.

(5) Any person who has been removed as or ceased to be a member of the Board, who—

(a) fails to hand over all properties, valuables, documents and such other thing belonging to the school to the Board; or

(b) continues to act as a member,

shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit and in the case of an offence under paragraph (b), and additional fine not exceeding one hundred ringgit for each day the offence is continuing.

Duties of
the Board.

7. (1) The members of the Board shall be jointly and severally responsible for the management of the Religious School.

(2) It shall be the duty of the Board—

(a) to properly maintain the Religious School under its control;

(b) to comply with the directions of the Registrar;

- (c) to maintain a proper record of-
 - (i) the teachers and staff of the school;
 - (ii) the name of the students, their ages and sex;
 - (iii) the source of finance of the school;
 - (iv) the curriculum of the school;
 - (v) such other informations which the Registrar may from time to time require.

(3) The Board shall-

- (a) inform the Registrar of any change to the instrument of the school; and
- (b) send to the Registrar all informations as requested by the Registrar.

(4) The Majlis on recommendation of the Board may appoint on such terms and conditions, as the Board may think fit, any number of teachers, officers and servants and shall have the power to terminate or revoke any such appointment.

8. (1) The Board shall be a body corporate with perpetual succession and a common seal and may sue and be sued in its name and shall have power to do all things expedient or reasonably necessary or incidental to the discharge of its duties and in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing—

Power of
the Board.

- (a) to acquire, purchase, take, hold, enjoy movable or immovable property of every description and to convey, assign, surrender, yield, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with or develop any movable or immovable pro-

perty or any interest therein vested in the Board upon such terms as it deems fit;

- (b) to enter into any arrangement with the State or Federal Government or authority that may seem conducive to the Board's duties or any of them and to obtain from the Government or such authority any rights, privileges and concessions which the Board may think it desirable to obtain and to carry out, exercise and comply with any such arrangements, rights, privileges and concessions;
- (c) to do all such other things as are incidental or conducive to the attainment of the duties and the exercise of the powers of the Board.

(2) All matters that are stated in subsections (1) (a), (b) and (c) shall first be authorised in writing by the Majlis.

Fund.

9. (1) For the purpose of this Enactment, the Board after obtaining the approval in writing of the Majlis shall establish and administer a fund to be known as "Religious School Account", into which shall be paid—

- (a) such sums as may be received by the Board;
- (b) monies earned or arising from any property, investments, mortgages, charges, debentures or shares acquired by or vested in the Board;
- (c) monies collected from fees;
- (d) monies donated by the public or grants given by Government or local authorities;
- (e) sums borrowed and raised by the Board under this Enactment; and
- (f) all other sums or property which may in any manner become payable to or vested in the Board.

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS

(2) The Board after obtaining the approval in writing of the Majlis may pay out of its fund-

- (a) all expenditure, including capital expenditure, incurred by the Board in carrying out its functions;
- (b) monies for the repayment of loans received by the Board pursuant to its power to borrow;
- (c) any other expenditure authorised by the Board.

(3) The Board may invest its fund in any investment for the time being authorised by using the investment of trust funds or any other investment as may be authorised in writing by the Majlis.

10. The Board shall cause to be made and transmitted to the Registrar reports dealing with the activities of the Religious School and the annual account of the Religious School. Reports.

11. (1) Every Board of Management shall adhere to the curriculum drawn up by the Majlis, use the text books so specified and carry out the programme for teacher training as set out and hold such examinations as may be specified by the Majlis. Board to adhere to curriculum drawn up by the Majlis.

(2) Failure to comply with any of the provisions or requirements of this section shall constitute an offence under this Enactment.

PART IV

REGISTRATION OF RELIGIOUS SCHOOL

12. (1) Subject to subsection (2) no person shall establish or set up any Religious School unless it is registered in accordance with the provisions of this Enactment. Registration.

(2) All Religious School which have been established before the coming into force of this Enactment shall be registered in accordance with the provisions of this Enactment within six months of the coming into force of this Enactment or any longer period as the Registrar may allow.

Application
for
registration.

13. (1) Any person who desires to set up a Religious School shall apply for registration, in the prescribed form, to the Registrar and shall also submit to the Registrar the proposed instrument of the Board of Management.

(2) Upon receipt of an application the Registrar shall consider such application and either approve or reject the application.

(3) Where approval has been given, the Registrar shall forthwith register the instrument of the Religious School together with the Board and issue a Certificate of Registration of the School with such conditions as he may deem necessary.

Conditions
for granting
approval.

14. For the purpose of considering whether an application for registration is to be approved the Registrar shall take into consideration the following conditions-

- (a) the suitability of the Religious School or building on the grounds of health and safety;
- (b) the suitability of the persons on the Board to manage a Religious School;
- (c) the source of finance to maintain the Religious School;
- (d) the necessity for such Religious School within the area where the proposed Religious School is to be set up; or
- (e) any other reason, which is in the opinion of the Registrar necessary for the setting up of a successful Religious School.

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS

15. (1) The Registrar shall notify the Board of any non-compliance of any conditions specified in the Certificate of Registration or any other instructions issued by him and shall instruct the Board to rectify such non-compliance.

Deregistration.

(2) Failure to comply with such instructions may result in the cancellation of the instrument and the Certificate of Registration of the said Religious School.

(3) Any Board whose Religious School has been deregistered under this section may, on satisfying the Registrar that the non-compliance specified in the Registrar's instructions have been rectified, apply for re-registration of the Religious School.

16. Any Board or any person who is aggrieved by any decision of the Registrar made under any of the provisions of this Enactment may, within 30 days of such a decision appeal to the Majlis whose decision shall be final.

Appeal.

PART V

RELIGIOUS SCHOOL INSPECTORS

17. The Majlis may appoint such number of Religious School Inspectors as may be necessary, whose duties shall include—

Appointment of School Inspectors.

- (a) to carry out from time to time the inspections of Religious Schools as to the teaching of the authorised curriculum, the use of textbooks, teachers employed and the proper compliance of this Enactment and rules made thereunder or the Registrar's instructions;
- (b) to carry out investigations of any Religious School relating to any matters as may be authorised by the Registrar;

- (c) to examine the Religious School accounts; and
- (d) to report any irregularities and to make such suggestions as may be necessary to the Registrar.

Majlis may
authorise any
person to
carry out
duties of
School
Inspectors.

18. (1) The Majlis may in writing authorise any person to carry out the duties of a Religious School Inspector and the person so appointed shall have all the duties and powers of a School Inspector.

Managment
Board,
teachers and
employees
shall assist
School
Inspectors.

19. (1) Any member of the Board, teacher or employee of the Religious School shall afford every facility to any Religious School Inspector or any authorised person for any inspection and shall give all the informations and to produce all books, accounts and other documents that may be required.

(2) Any person who fails to comply with any provision of this section commits an offence under this Enactment.

PART VI

MISCELLANEOUS

The Lembaga
shall give
assistance.

20. The Lembaga shall assist the Majlis to carry out all the duties that may be necessary for the proper running of the Religious School including the giving of any technical advice, the use of textbooks, curriculum, examinations, recruitment of teachers and training of teachers.

Exemption
by the
Majlis.

21. The Majlis shall have the power to exempt any Religious School from all or any provisions of this Enactment.

Offence and
penalty.

22. Any person who establishes, manages or operates a Religious School without a Certificate of Registration issued under this Enactment or acts in contravention of this Enactment or any rules made thereunder, shall be guilty of an offence and, unless a punishment is

prescribed for the offence, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year, or in the case of a second or subsequent offence, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years.

23. Prosecutions in respect of any offence under this Enactment or any rules made thereunder shall be conducted in the Syariah Court.

Jurisdiction to try offence.

24. (1) The Majlis may direct any prosecution for any offence under this Enactment or any rules made thereunder.

Majlis may direct prosecution.

(2) Registrar, Deputy Registrar, and any person duly authorised in writing by the Majlis may conduct any such prosecution.

25. The Registrar, Deputy Registrar, Religious School Inspector, a police officer not below the rank of an Inspector or any person duly authorised in writing by the Majlis may at all reasonable times, enter any premises of a Religious School for the purpose of exercising any power of inspection, enquiry or otherwise to ensure that the school is properly administered.

Power to enter premises.

26. The Public Authorities Protection Act 1948 shall apply to any action, suit, prosecution or proceeding against the Board, Majlis, Registrar, Deputy Registrars, servants, agents or any other persons authorised by the Majlis or Lembaga in respect of any act, neglect or default done or committed.

Public Authorities Protection Act 1948. Act 198.

27. The Registrar, Deputy Registrars, officers or employees of the Majlis or Board or agents authorised in writing by the Majlis shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code.

Officers to be public servants.

28. The Ruler in Council on the advice of the Majlis, may by notification in the *Gazette*, make rules or amend

Rules.

rules for carrying out the provisions of this Enactment, and in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing, such rules may provide for—

- (a) the instrument of the Board of Management with such variations as may be permitted so as to fit any particular Religious School;
- (b) the curriculum for the Religious School;
- (c) the types and standard of textbooks for use in the Religious School;
- (d) the regulation of examinations to be held and the certificates to be issued thereto;
- (e) the qualification of teachers for the Religious School;
- (f) prescribing the manner in which the monies of the Board is to be spent and the manner documents, cheques and instruments of any description shall be signed or executed on behalf of the Board;
- (g) the offences committed under any such rules;
- (h) prescribing the forms for the purposes of any provision of this Enactment; and
- (i) such other matters as may be necessary for the proper administration of a Religious School.

Enactment,
etc. incon-
sistent with
this Enact-
ment.

29. If any Enactment, rules and regulations pertaining to Religious School are inconsistent with this Enactment, this Enactment shall prevail and those Enactments, rules and regulations shall, to the extent of inconsistency, be void.

Passed in the Johor Legislative Assembly on the 24th day of December 1991.

ABDUL MALICK BIN AWANG,
Clerk of the Legislative Assembly,
Johor



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU
2019